

Permohonan bazar Ramadan, Aidilfitri DBKL dibuka semula

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuka semula tawaran petak bazar Ramadan dan Aidilfitri kepada peniaga berminat bermula Khamis hingga Ahad ini.

Menurut satu kenyataan dikeluarkan pihak berkuasa tempatan itu, tawaran berkenaan dibuka berdasarkan kekosongan masih ada dan pemohon boleh memohon menerusi dalam talian.

“Berita baik kepada semua peniaga berminat berniaga di bazar Ramadan dan Aidilfitri DBKL 2025.

“DBKL akan membuka semula tawaran petak bazar sehingga 16 Februari ini berdasarkan kekosongan.

“Permohonan adalah secara dalam talian melalui kaedah ‘siapa cepat dia dapat’. Sila imbas kod QR tertera atau layari pautan <https://elesen.dbkl.gov.my> untuk permohonan,” katanya melalui laman Facebook rasminya pada Khamis.

Dalam pada itu, DBKL memaklumkan pemohon juga boleh hadir ke kaunter khidmat rundingan yang dibuka di lokasi terpilih.

Terdahulu pada 1 Februari lalu, DBKL dilaporkan menyediakan kira-kira 3,000 lot tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri di seluruh ibu negara.



DBKL menyediakan kira-kira 3,000 lot tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri di seluruh ibu negara pada tahun ini. - Gambar hiasan